

28 JUN 1997

Abu-PM

ABU HASSAN OMAR CUTI SEMINGGU JUMPA PERDANA MENTERI DI LONDON

SHAH ALAM, 28 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar akan bercuti selama seminggu mulai awal bulan depan dan akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di London.

Katanya beliau akan memberikan taklimat serta laporan mengenai perkembangan politik, pentadbiran serta pelaksanaan projek-projek kerajaan Persekutuan di Selangor kepada Perdana Menteri.

Abu Hassan difahamkan melalui Setiausaha Politik Dr Mahathir bahawa Perdana Menteri ingin menemuinya ketika beliau bercuti di London nanti untuk menghadiri majlis menerima ijazah anaknya.

"Saya juga sememangnya hendak menemui beliau dan kebetulan saya ambil cuti untuk menghadiri majlis graduan anak saya di London," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Agung Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad (KOSAS) di Dewan Jubli Perak, di sini hari ini.

Menurutnya Perdana Menteri ingin mengetahui suasana politik dan pentadbiran negeri Selangor serta perkembangan projek-projek kerajaan persekutuan di negeri itu.

Abu Hassan berkata beliau akan menemui Perdana Menteri di London pada 1 Julai ini dan beliau akan kembali bertugas pada 7 Julai nanti.

Menurutnya beliau tidak akan melantik seorang pemangku bagi memangku jawatan Menteri Besar semasa ketiadaannya memandangkan tempoh percutiannya agak singkat.

Katanya beliau akan memberi penerangan berhubung perkembangan di Selangor secara terperinci kepada Perdana Menteri, walaupun beliau baru sahaja memegang jawatan Menteri Besar awal bulan ini.

"Ini adalah pertemuan saya yang pertama sebagai Menteri Besar Selangor dengan Perdana Menteri dan memang ada perkara-perkara tertentu yang hendak dibincangkan," katanya. -- BERNAMA

AZH RI